

# Kes Dr. M diselesai segera

JITRA 30 Julai - Kes insiden penyemburan sejenis cecair membabitkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad akan diselesaikan dengan segera supaya tidak timbul sebarang spekulasi yang boleh menjejaskan ketenteraman negara.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Mohd. Johari Baharum berkata, polis akan segera mendakwa individu yang terlibat kerana kejadian itu dikhuatiri akan menimbulkan pelbagai tanggapan buruk rakyat terhadap kerajaan dan kredibiliti polis.

Tegasnya, jika bukti-bukti yang diperolehi mencukupi, suspek yang kini ditahan reman akan didakwa secepat mungkin.

"Kita tidak mahu orang kata macam-macam, lebih-lebih lagi tanggapan yang menyatakan keselamatan Tun Dr. Mahathir tidak dijaga dengan baik.

"Hakikatnya, apa sahaja yang membabitkan keselamatan dan protokol beliau, semuanya kita jaga seperti biasa mengikut peruntukan yang diperolehi oleh seorang bekas Perdana Menteri," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas menutup Majlis Mesra Bersama Pemimpin anjuran Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) di pekarangan dewan Kampung Bemban, Gelung di sini semalam.